

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans kenderaan persendirian anda.



Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.





Tarikh:

1 Apakah Polisi Kereta Persendirian Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian?

Polisi Kereta Persendirian Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian ialah polisi insurans yang memberikan perlindungan terhadap liabiliti kepada pihak ketiga bagi kecederaan tubuh badan atau kematian, kerosakan harta pihak ketiga serta kerosakan akibat kebakaran terhadap kenderaan anda atau kecurian kenderaan anda.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium tahunan sebanyak **RM1,006.93**, seorang lelaki berumur 30 tahun di Semenanjung Malaysia (40170) dengan Honda City (1498cc) berusia 5 tahun akan menerima perlindungan berikut:

| | | | | |
|---|---|---|--|--|
| Amaun Diinsuranskan (nilai pasaran) | RM50,000 | | | |
| Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) | 0% | | | |
| *Perlindungan Tambahan (Ini dibeli dengan premium tambahan) | <ul style="list-style-type: none">• Perlindungan Pelbagai Memandu Tambahan – Pelan MDP5 dengan amaun diinsuranskan RM15,000: RM40 <p>Anda boleh menambah perlindungan pilihan dengan membayar premium tambahan. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada endorsemn yang tersedia di laman web Sales Materials Generali Malaysia.</p> | | | |
| Polisi anda meliputi: <ul style="list-style-type: none">• Liabiliti terhadap pihak ketiga bagi kecederaan tubuh badan atau kematian• Kerosakan harta pihak ketiga• Kerosakan kereta anda akibat kebakaran• Kecurian kereta anda | Polisi motor anda tidak termasuk: <ul style="list-style-type: none">• Kematian atau kecederaan tubuh badan anda sendiri akibat kemalangan kenderaan.• Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang-penumpang dalam kenderaan anda• Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, kerosakan mekanikal / elektronik atau kegagalan berfungsi. <p>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.</p> | | | |
| Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans motor anda, anda boleh: | Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan: | | | |
|  Hubungi kami di 1300 13 2121 atau +603 3007 2121 |  Layari laman web kami di: Private Car Insurance & Available Add Ons Generali Malaysia |  E-mel kami di: customer.service.gi@generali.com.my |  Imbas kod QR di atas | Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK |

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3

Ketahui Kewajipan Anda

| Untuk polisi insurans motor ini, anda mesti membayar premium sebanyak: | Jika pembelian melalui pengantara | Jika pembelian terus |
|--|-----------------------------------|-----------------------------------|
| Premium Asas | RM1,006.93 | RM1,006.93 |
| (-) 0% Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) | - | - |
| (+) Perlindungan tambahan | RM40.00 | RM40.00 |
| (+) Cukai perkhidmatan <u>8%</u> | RM83.75 | RM75.38 |
| (+) Duti setem | RM10.00 | RM10.00 |
| Jumlah premium yang perlu dibayar | RM1,140.68 | RM1,027.62 |
| Komisen / Rebat untuk saluran terus | Komisen: 10% atau RM104.69 | Rebat: 10% atau (RM104.69) |

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.



MAKLUMAT PENTING YANG ANDA PERLU TAHU

| | |
|----------|--|
| A | Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui insurans setiap tahun. |
| B | Insurans hanya akan berkuatkuasa apabila anda telah membayar premium (bayaran sebelum perlindungan). |
| C | Anda mesti memastikan kenderaan anda diinsuranskan/dilindungi pada amaun yang sesuai kerana ia akan mempengaruhi amaun yang boleh anda tuntutan. |
| D | Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi talian bantuan tepi jalan kami di 1800-22-2262. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami melalui aplikasi mudah alih GeneraliMY untuk bantuan tepi jalan 24/7 kami. |
| E | Anda boleh menghantar kereta anda ke bengkel pembaikan motor yang terdapat dalam panel Bengkel Yang Diluluskan oleh kami. Bengkel Yang Diluluskan merujuk kepada mana-mana yang berikut: a. Bengkel pembaikan motor yang berada dalam panel bengkel yang diluluskan oleh kami: <ul style="list-style-type: none"> Kami akan memastikan jumlah bengkel yang diluluskan oleh kami adalah mencukupi untuk memberi keselesaan dan kemudahan akses kepada anda. Sekiranya tiada panel bengkel yang diluluskan di lokasi berdekatan semasa kejadian, kami mungkin atas budi bicara kami memilih untuk sama ada: <ul style="list-style-type: none"> membantu anda mengakses bengkel terdekat dalam panel kami dan mengatur perkhidmatan penundaan ke bengkel yang dipilih tanpa kos kepada anda; atau membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh kami. atau b. Mana-mana bengkel lain yang kami beri kebenaran khas kepada anda untuk digunakan. Keadaan yang memerlukan kebenaran khas boleh diluluskan oleh kami termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Tiada bengkel yang diluluskan yang dinyatakan dalam (a) di atas tersedia di lokasi kereta anda, dan kami tidak dapat membantu anda mengakses bengkel terdekat dalam panel kami atau yang berdaftar dengan JPJ; Pembaikan yang memerlukan kepakaran khusus dari bengkel tertentu yang tidak dapat disediakan oleh bengkel yang diluluskan oleh kami; dan Bengkel francais. |



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sebahagian daripada premium dengan syarat anda belum membuat sebarang tuntutan.